

Perluas khidmat bantu kanak-kanak melalui francais syarikat

CIK Areena Loo tidak sabar menantikan ketibaan saat perniagaan beliau terpaksa 'gulung tikar' kerana persaingan sengit.

Dengan 'terkubur' niaganya itu, ia bermakna khidmat penilaian dan pempampanan masalah dan kecacatan pembelajaran di kalangan kanak-kanak sudah bertapak kukuh di dalam masyarakat setempat dan juga di rantau Asia.

Selain menawarkan khidmat tersebut, para 'pesaing' Cik Loo juga menyediakan bantuan sosial kepada kanak-kanak daripada keluarga kurang mampu selain menyumbang kepada usaha sosial yang lain baik di dalam mahupun di luar negara.

Pengasas syarikat Bridge Learning (Bridge) sudah mula menyemai 'kejatuhannya' dengan memasarkan hak milik intelektual (IP) berupa program-program khusus bagi menangani masalah pembelajaran di kalangan kanak-kanak.

Cik Loo, 31 tahun, juga sedang melakarkan pelan untuk menawarkan francais syarikatnya, selain menubuhkan sebuah Institut Kecacatan Pembelajaran untuk melatih mereka yang berminat dalam bidang tersebut.

Semua ini akan dilakukan dengan sokongan Persatuan Keusahawanan Sosial.

"Komponen penting bagi keduanya ialah mana-mana pihak yang membeli program atau francais perlu menyalurkan sebahagian pendapatan



KEMBANGKAN SYARIKAT SOSIAL: Cik Loo (*tenang, berbaju hijau*) bakal memasarkan program ciptaannya dan menawarkan rangkaian francais bagi syarikatnya dalam usaha meluaskan jaringan bantuan sosial kepada kanak-kanak di rantau Asia.

mereka untuk tujuan sosial. Dengan cara ini, khidmat penting tersebut bukan sahaja dapat ditawarkan kepada lebih ramai kanak-kanak, malah jaringan bantuan sosial juga dapat diluaskan," kata Cik Loo.

Syarikatnya kini mantap dan tumbuh sekitar 150 peratus setahun.

Ia menjana pendapatan \$820,000 tahun lalu.

Daripada jumlah tersebut, 40 peratus diketepikan untuk menampung yuran kanak-kanak daripada keluarga kurang mampu dan menghadapi masalah pembelajaran.

Di samping itu, Bridge turut menyala-

urkan sebahagian pendapatannya kepada projek sosial di luar negara seperti program pinjaman mikro di Myanmar.

Malah, Cik Loo sendiri mendermakan sekitar 30 peratus gajinya bagi tujuan sosial.

"Saya mulakan usaha ini tanpa mengetahui apa itu keusahawanan sosial. Apa yang saya tahu ialah saya ingin membantu mereka yang memerlukan," kata bekas guru kaunselor dengan Kementerian Pendidikan itu.

Semarak semangatnya mendorong beliau meletak jawatan dan menubuhkan Bridge Learning pada 2003 dengan pelaburan \$290,000 – \$130,000 merupakan geran daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat, Beliau dan Sukan dan selebihnya adalah pinjaman daripada teman-teman Cik Loo.

"Sepanjang dua tahun pertama kami tidak mengeluarkan sebarang bantuan kerana kami berusaha gigih untuk memantapkan perniagaan kami. Masuk tahun ketiga barulah kami dapat menyalurkan pendapatan kami untuk tujuan sosial," katanya.

Sejak 2003, Bridge telah pun menilai dan membantu sekitar 3,000 kanak-kanak berusia antara dua dengan 12 tahun.

Ia kini beroperasi di Stadium Choa Chu Kang dan Clemenceau Avenue North.

"Kami bukan mata duitan tetapi kami perlu menjana seberapa banyak keuntungan untuk menjayakan usaha sosial kami," kata Cik Loo.